

PARALIMPIAD MALAYSIA

PERATURAN TETAP SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA

Hakmilik :



PERATURAN TETAP SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA



1. Pendahuluan

1.1 Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) sebelum ini dikenali sebagai Majlis Sukan Orang Cacat Malaysia, dimana ia telah ditubuhkan pada 18 Mei 1989. Pada 1996, Majlis Sukan Orang Cacat Malaysia telah ditukar nama kepada Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) kerana perkataan “Paralimpik” seharusnya digunakan supaya ia akan diiktirafkan sebagai Jawatankuasa Paralimpik Kebangsaan bagi negara Malaysia oleh Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (International Paralympic Committee).

1.2 MPM adalah sebuah badan sukan induk yang bertanggungjawab dalam mewujudkan peluang penyertaan dan kepimpinan dikalangan Orang Kurang Upaya (selepas ini dirujuk sebagai “OKU”) dalam bidang sukan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

1.3 MPM adalah juga sebuah badan Pengawalan Sukan OKU di peringkat kebangsaan serta juga ahli kepada badan pengawalan Sukan OKU di peringkat antarabangsa seperti *International Paralympic Committee (IPC)*. MPM juga merupakan pejabat sekretariat bagi *Asian Paralympic Committee (APC)* dan juga *Asean Para Sports Federation (APSF)* di Malaysia.

1.4 MPM telah memperkenalkan pelbagai jenis sukan untuk atlet-atlet OKU yang dipertandingkan antara Negeri-negeri di Malaysia dan pertandingan tersebut diiktiraf sebagai kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

1.5 Kejohanan “SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA” yang Pertama telah diadakan pada tahun 1982 dan ketika itu ianya dikenali sebagai Kejohanan Sukan Kebangsaan Bagi Orang Cacat. Sehingga kini, sebanyak 14 siri kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA telah diadakan dan MPM hanya telah mengambilalih penganjuran kejohanan ini sepenuhnya bermula pada siri ke-6, iaitu pada tahun 1992.

1.6 MPM merupakan sebuah badan sukan induk yang berdaftar dibawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dan juga telah mendaftarkan perkataan “PARALIMPIK” dan “PARALIMPIAD” dibawah Perbadanan Harta Intelekt Malaysia dengan no: 07006451 dan 07006452, dimana MPM mempunyai hakmilik sepenuhnya terhadap penggunaan nama “PARALIMPIK” serta penganjuran dan penggunaan nama SUKAN PARALIMPIAD di Malaysia. Walaubagaimanapun, MPM akan bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam menganjurkan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

1.7 Oleh yang demikian atas dasar tanggungjawab sebagai sebuah Badan Pengawalan Sukan Induk bagi OKU di negara ini maka PERATURAN-

PERATURAN SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA ini di wujudkan sebagai garis panduan dan tatacara bagi penganjuran SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA untuk semua **penganjur** SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

2. DEFINISI

2.1 Majlis Paralimpik Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “MPM”) adalah badan yang bertanggungjawab didalam memastikan penganjuran dan aktiviti sukan bagi Orang Kurang Upaya (OKU)

2.2 'NEGERI' bermaksud kesemua negeri di Malaysia termasuk W.P. Kuala Lumpur, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya.

2.3 'JAWATANKUASA TERTINGGI' bermaksud Jawatankuasa Tertinggi SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA yang dilantik oleh Kementerian Belia & Sukan dengan persetujuan Majlis Paralimpik Malaysia.

2.4 'JAWATANKUASA PENGELOLA' bermaksud Jawatankuasa yang dilantik untuk mengelolakan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA'.

2.5 'NEGERI YANG TERPILIH' bermaksud negeri yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi untuk mengelolakan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA

2.6 “PENGERUSI” bermaksud Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi.

3. PRINSIP-PRINSIP ASAS

3.1 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' adalah satu kejohanan sukan di peringkat kebangsaan yang dipertandingkan di bawah pengawalan MPM dan ia diadakan setiap dua tahun secara berselang-seli dengan Kejohanan SUKAN PARA ASEAN.

3.2 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' akan diperhitungkan mulai daripada 'SUKAN KEBANGSAAN BAGI ORANG CACAT ANGGOTA MALAYSIA' yang pertama berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1982.

3.3 Jawatankuasa Tertinggi mempunyai hak sepenuhnya untuk mengarahkan suatu pengelolaan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' di dalam negeri yang terpilih.

3.4 Penghormatan pengelolaan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' seharusnya diamanahkan kepada negeri yang menganjurkan SUKAN Malaysia (SUKMA)

4. JAWATANKUASA TERTINGGI

4.1 Jawatankuasa Tertinggi adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan beberapa orang ahli yang terdiri daripada ahli-ahli yang dinyatakan dalam seksyen kecil 4.3 di bawah.

4.2 Presiden MPM hendaklah menjadi Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi.

4.3 Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain hendaklah dilantik oleh Pengerusi dan terdiri daripada ahli-ahli yang berikut :

- a. Ketua Pengarah,
Jabatan Belia & Sukan Negara
Kementerian Belia dan Sukan;
- b. Empat orang daripada Exco,
Majlis Paralimpik Malaysia;
- c. Ketua Pengarah ,
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia;
- d. Ketua Pengarah,
Majlis Sukan Negara ;
- e. Ketua Pengarah
Institut Sukan Negara
- f. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Malaysia
- g. Semua Pengarah,
Jabatan Belia & Sukan Negeri ; dan
- h. Mana-mana individu yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi

4.4 Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi kecuali Pengerusi hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak dilantik semula bagi penganjaran yang berikutnya.

4.5 Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi kecuali Pengerusi boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan memberikan satu (1) bulan notis bertulis kepada Pengerusi.

4.6 Sekiranya terdapat kekosongan Ahli Jawatankuasa, maka kekosongan tersebut hendaklah diisi dalam masa 1 bulan. Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang baru dilantik hendaklah memegang jawatan ahli yang telah mengosongkan jawatan tersebut bagi selama tempoh baki pengosongan jawatan tersebut dan beliau adalah layak dilantik semula bagi penganjaran yang berikutnya.

4.7 Tugas-tugas serta Tanggungjawab Jawatankuasa Tertinggi ialah :

- a. Menjamin kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' dapat berjalan dengan sempurna serta memastikan masa dan giliran negeri yang ditetapkan sebagai negeri yang terpilih mengikut turutan seperti negeri yang menganjurkan SUKAN Malaysia (SUKMA).
- b. Memastikan Jawatankuasa Pengelola ditubuhkan sebelum pelaksanaan kejohanan "SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' di negeri yang terpilih dan juga memastikan Jawatankuasa Pengelola menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna
- c. Memastikan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas dan perkara yang tercatat di dalam semua peraturan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA'

4.8 Kuasa-kuasa Jawatankuasa Tertinggi adalah :

- a.
 - i) Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi mempunyai kuasa untuk memanggil sesuatu mesyuarat apabila difikirkannya perlu.
 - ii) Pada mana-mana prosiding atau mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi, hendaklah terdiri daripada separuh ($\frac{1}{2}$) daripada ahli Jawatankuasa Tertinggi termasuk Pengerusi untuk mendapatkan korum;
 - iii) Jika Pengerusi tidak hadir dalam mesyuarat atau mana-mana prosiding, Timbalan Presiden yang hadir hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut sebagai Pengerusi.
- b. Pengerusi boleh menjemput wakil dari mana -mana badan yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat, jika, dengan kehadiran mereka boleh membantu dalam penganjuran kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.
- c. Jawatankuasa Tertinggi mempunyai kuasa untuk menggantung dan/atau mengenakan penalti ke atas mana-mana negeri, pasukan, pegawai, jurulatih atau atlet yang melanggar peraturan kejohanan daripada mengambil bahagian di kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' yang berikutnya.
- d. Jawatankuasa boleh pada bila-bila masa menjemput atau menerima permohonan daripada mana-mana negara untuk bertanding dalam mana-mana acara sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA sebagai peserta atau kontinjen jemputan

- e. Jawatankuasa Tertinggi boleh mengarah atau menarik balik apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola sekiranya difikirkannya perlu

4.9 Tiada tindakan atau prosiding undang-undang yang lain boleh diambil terhadap mana-mana ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi.

5. JAWATANKUASA PENGELOLA

5.1 Jawatankuasa Pengelola 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' adalah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan beberapa orang ahli yang difikirkan perlu yang dilantik oleh Jawatankuasa Tertinggi.

5.2 Tempoh perkhidmatan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengelola adalah bermula dari tarikh perjanjian penganjuran kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak sehingga penamatan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

5.3 Jawatankuasa Pengelola adalah berperanan didalam perkara-perkara berikut :

- a. Bertanggungjawab sepenuhnya didalam pengelolaan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA'.
- b. Mengadakan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengelola dari masa ke semasa.
- c. Menubuh dan melantik Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil dengan mempunyai bidang tugas khusus masing-masing dalam melaksanakan pengelolaan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA'.

5.4 Tugas-tugas Jawatankuasa Pengelola adalah:-

- a. Jawatankuasa Tertinggi menyerahkan segala tugas penganjuran kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' kepada negeri yang terpilih mengikut kandungan perjanjian penganjuran yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak
- b. Negeri yang terpilih hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pengelola yang disahkan oleh pihak berkuasa negeri tersebut sebelum menandatangani satu perjanjian penganjuran kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA, dan segala urusan Penganjuran kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' perlulah mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Tertinggi, Kementerian Belia & Sukan Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia, Majlis Sukan Negara, Majlis Sukan Negeri-negeri, Jabatan Belia & Sukan Negeri-negeri serta Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri supaya

pengelolaan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' dapat dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang diperuntukkan.

- c. Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab membuat segala persediaan yang diperlukan untuk menyempurnakan pelaksanaan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' dan ianya adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tertinggi.
- d. Wakil Jawatankuasa Tertinggi dari semasa ke semasa hendaklah dijemput hadir ke Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Pengelola supaya mempunyai pengetahuan mengenai segala prosiding atau maklumat pelaksanaan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA
- e. Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan yang terdiri daripada wakil-wakil MPM, Majlis Sukan Negara, Jabatan Belia & Sukan Negeri-negeri serta Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri-negeri.
- f. Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan bagi setiap jenis sukan yang terdiri daripada wakil-wakil MPM dan wakil-wakil Majlis Sukan Negeri berkenaan
- g. Jawatankuasa Pengelola juga hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Klasifikasi yang terdiri daripada Pengerusi Klasifikasi dari setiap jenis sukan serta wakil daripada MPM.

5.5 Sekiranya mana-mana ahli Jawatankuasa Pengelola yang melanggar peraturan-peraturan atau garis panduan yang diperuntukkan dalam SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA, maka, Jawatankuasa Tertinggi boleh menggantung mereka daripada mengambil bahagian di kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA dan/atau mengenakan penalti terhadap mereka,

5.6 Tiada tindakan atau prosiding undang-undang yang lain boleh diambil terhadap mana-mana ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola.

6. SEKRETARIAT

6.1 Sekretariat adalah sebuah badan eksekutif yang beroperasi sepenuh masa dalam membantu mengelolakan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' .

6.2 Sekretariat pada setiap masa, adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada- Jawatankuasa Pengelola.

7. PERATURAN-PERATURAN PENGELOLAAN

7.1 Jawatankuasa Tertinggi hendaklah menetapkan satu tarikh, bandar dan negeri di mana kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' berikutnya diadakan.

7.2 Negeri yang terpilih dan diamanahkan bagi mengelolakan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' adalah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tertinggi untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Pengelola bagi mengendalikan kejohanan tersebut.

7.3 Negeri yang terpilih seharusnya memberi penghormatan pengelolaan melalui **suatu pengakuan bertulis** atas kesanggupan bagi mengelolakan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' kepada Jawatankuasa Tertinggi.

7.4 Kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' mestilah diadakan setiap dua tahun berselang-seli dengan kejohanan SUKAN PARA ASEAN

7.5 Tempoh pelaksanaan kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' adalah tidak melebihi 10 hari termasuk tarikh-tarikh klasifikasi atlet dan pertandingan serta majlis-majlis acara perasmian dan penutupan

7.6 Jawatankuasa Tertinggi hendaklah menetapkan jumlah dan jenis sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA'

7.7 Jemputan untuk menyertai kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' hendaklah dihantar oleh Jawatankuasa Pengelola atas arahan Jawatankuasa Tertinggi kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

8. BENDERA DAN LAMBANG

8.1 Lambang kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' yang mengandungi lambang 'TAEGU (AIR MATA)' iaitu 3 titisan air yang berwarna hijau, biru dan merah diatas perkataan 'PARALIMPIAD MALAYSIA'. Lambang ini melambangkan "**Kekuatan dan Keazaman Pergerakan Paralimpik** " (Mind, Body, Spirit) di peringkat antarabangsa bagi membantu menyebarkan semangat dan ideal Paralimpik kepada rakan dan taulan, dari jauh dan dekat.

8.2 Lambang ini tidak boleh digunapakai untuk tujuan perniagaan kecuali dengan kelulusan daripada Jawatankuasa Tertinggi. Lambang ini semestinya dilindungi dibawah undang-undang.

8.3 Lambang kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' digunakan sebagai bendera kejohanan, semestinya dikibarkan sepanjang tempoh kejohanan 'SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA' bersama-sama dengan Bendera Malaysia, Bendera MPM dan Bendera-Bendera Negeri yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola di Stadium Utama, tempat-tempat pertandingan, di Perkampung Sukan dan lain-lain tempat yang sesuai.

8.4 Bendera kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA semestinya disediakan di dalam Stadium Utama dan bendera tersebut hendaklah dikibarkan sepanjang tempoh kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA diadakan.

8.5 Bendera kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA semestinya diserahkan kepada Menteri Besar/Ketua Menteri/Exco Sukan Negeri atau Pengarah JBS bagi negeri yang menjadi tuan rumah berikutnya dalam Upacara Penutup kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

9. LOGO

9.1 Logo seharusnya mengandungi perkataan “PARALIMPIAD MALAYSIA” serta siri bilangan kejohanan “SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA’ dibawah lambang “TAEGU”.

9.2 Logo kejohanan semestinya dicetak dan digunapakai didalam segala dokumen Urusan penganjuran kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA sahaja dan mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Tertinggi.

10. PENAJAAN DAN KUTIPAN DERMA

10.1 Lambang dan Logo SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA tidak seharusnya digunapakai bagi maksud perniagaan tanpa kelulusan daripada Jawatankuasa Tertinggi/MPM

10.2 MPM mempunyai hakmilik sepenuhnya ke atas lambang dan logo kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA dan juga eksplotasi promosi serta penyiaran.

10.3 Semua rundingan penajaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta hak penyiaran TV dan Radio hendaklah dibuat melalui Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Pengelola.

10.4 Jawatankuasa Pengelola seharusnya menyediakan dan menyerahkan satu laporan lengkap Penyata Kewangan yang telah diaudit selewat-lewatnya dalam tempoh enam (6) bulan selepas SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA berakhir.

11. PEMILIHAN TUAN RUMAH

11.1 Pemilihan tuan rumah bagi kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA adalah berdasarkan seperti pemilihan tuan rumah bagi SUKAN MALAYSIA (SUKMA) yang diputuskan oleh pihak kerajaan.

12. PERJANJIAN PENGANJURAN

12.1 Negeri yang terpilih dikehendaki menandatangani suatu perjanjian penganjuran dengan Jawatankuasa Tertinggi untuk menganjurkan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA. Perjanjian tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi atau wakilnya bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi bersama-sama dengan pihak MPM dan pihak Kerajaan Negeri (Penganjur).

12.2 Perjanjian persetujuan untuk menganjurkan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA tersebut mestilah dilakukan dan ditandatangani selewat-lewatnya dalam tempoh tiga (3) bulan selepas negeri yang terpilih diisytiharkan sebagai penganjur kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

13. PENETAPAN BILANGAN DAN JENIS SUKAN.

13.1 Jumlah sukan serta acara yang perlu dipertandingkan adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Tertinggi dengan mengambilkira pelbagai aspek termasuk kemudahan atau fasiliti yang mesra OKU (disabled friendly) di tempat kejohanan.

14. ACARA PEMBUKAAN.

14.1 Setiap Program bagi acara pembukaan semestinya dikemukakan kepada Jawatankuasa Tertinggi sebelum enam (6) bulan dari tarikh kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA diadakan untuk tujuan kelulusan.

14.2 DYMM Sultan/TYT Yang Dipertua Negeri atau wakilnya perlu diberikan penghormatan untuk merasmikan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA di negeri yang terpilih dan seharusnya dijemput oleh Pengerusi bagi Jawatankuasa Tertinggi dan Presiden MPM dari pintu masuk bagi acara pembukaan diadakan.

14.3 Jawatankuasa Pengelola mestilah mengambilkira dari aspek protocol terutamanya bagi susunan tempat duduk khas semasa acara Pembukaan diadakan termasuk juga mengambil kira tempat-tempat pertandingan dan mempunyai kawalan keselamatan yang ketat dalam perasmian acara pembukaan.

14.4 Program – program bagi acara Pembukaan Rasmi mestilah mengambilkira perkara-perkara yang berikut:-

- a. Perbarisan atau Lintas Hormat oleh semua Kontinjen Negeri harus memakai pakaian yang seragam dengan memegang papan tanda yang mengandungi nama negeri dan bendera negeri masing-masing sahaja;
- b. Perbarisan atau Lintas Hormat oleh semua Kontinjen Negeri seharusnya mengikut turutan abjad ketika lintas hormat di hadapan Pentas Utama;
- c. Memberi tabik hormat ketika melintas di hadapan Pentas Utama;
- d. Upacara Menaikkan Bendera Kejohanan;
- e. Upacara Nyalaan Obor Kejohanan;
- f. Lafaz Perasmian oleh VVIP;
- g. Bacaan Ikrar oleh Atlet;
- h. Bacaan Ikrar oleh Pegawai Teknikal; dan
- i. Apa-apa yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Pengelola

14.5 Setiap Program ini seharusnya mengikut protokol dan mengambil masa tidak melebihi 2 jam.

15. PINGAT KEMENANGAN

15.1 Pingat kemenangan untuk kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

15.2 Bagi acara individu dan pasukan, pemenang pertama akan memperolehi pingat emas, pemenang kedua pingat perak dan seterusnya, pemenang ketiga pingat gangsa.

16. UPACARA KEMENANGAN.

16.1 Pingat-pingat kemenangan hendaklah dihadiahkan kepada pemenang-pemenang sebaik sahaja selesai acara sesuatu pertandingan di tempat berlangsungnya pertandingan berkenaan. Pemenang Pertama hendaklah berdiri di tengah-tengah, Pemenang Kedua disebelah kanannya dan Pemenang Ketiga di sebelah kirinya.

16.2 Sebaik sahaja penyampaian pingat-pingat, maka bendera negeri pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga akan dinaikkan dengan diiringi lagu negeri pemenang pertama.

16.3 Jawatankuasa Pengelola adalah diminta untuk menyediakan semua lagu rasmi negeri dan bendera-bendera negeri yang mengambil bahagian di Sukan Paralimpiad Malaysia.

17. PIALA PUSINGAN

17.1 Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan piala-piala anugerah seperti berikut :

- a. Piala Atlet Cemerlang
 - i. Atlet Lelaki
 - ii. Atlet Wanita

- b. Piala/Trofi Cabaran
 - i. Piala Jaguh Negeri
 - ii. Piala Semangat OKU
 - iii. Piala GPN2010

17.2 Piala Atlet Cemerlang akan dianugerahkan kepada seorang atlet lelaki dan seorang atlet wanita yang paling cemerlang dalam kejohanan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

17.3 Piala Jaguh Negeri akan dianugerahkan kepada negeri yang memenangi bilangan pingat emas yang paling banyak. Jika seri, jumlah pingat perak dan gangsa boleh diambil kira untuk menentukan pemenangan bagi Piala Jaguh Negeri.

17.4 Piala Semangat OKU akan dianugerahkan kepada negeri yang memenangi bilangan jumlah pingat yang paling banyak. Jika terdapat seri, rekod yang paling banyak dipecahkan diikuti dengan bilangan atlet wanita yang paling ramai dan juga atlet dibawah umur 18 tahun yang memenangi pingat, hendaklah diambil kira untuk menentukan pemenang bagi Piala Semangat OKU.

17.5 Piala Gerakan Paralimpik Negara (GPN) akan dianugerahkan kepada negeri yang mempunyai paling banyak penyertaan dalam sukan. Jika terdapat seri, acara sukan yang paling banyak disertai diikuti dengan bilangan atlet wanita paling banyak dan atlet dibawah umur 20 tahun yang memenangi pingat, hendaklah diambil kira untuk menentukan pemenang Piala GPN.

18. UPACARA PENUTUPAN

18.1 Upacara Penutupan Rasmi hendaklah dilakukan sebaik sahaja selesai acara pertandingan yang terakhir. Tempatnya ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

Program bagi Majlis Penutupan Rasmi mestilah mengambilkira perkara-perkara yang berikut :-

- a) Upacara Penyampaian Piala Atlet Cemerlang dan Piala Cabaran;
- b) Lafaz Penutupan oleh VVIP;
- c) Aspek protokol dan susunan tempat duduk khas di Pentas Utama;
- d) Upacara Menurunkan Bendera Kejohanan;
- e) Upacara Memadamkan Obor Kejohanan;
- f) Penyerahan Bendera Kejohanan Kepada Tuan Rumah; SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA yang berikutnya;
- g) Persembahan "Selamat Datang" oleh Tuan Rumah SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA yang berikutnya; dan
- h) Apa-apa yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Pengelola

19. KAD AKREDITASI

19.1 Jawatankuasa Pengelola hendaklah mengeluarkan Kad Akreditasi SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA kepada semua individu yang terlibat didalam penganjuran SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA mengikut kategori yang ditetapkan.

20. PINDAAN PERATURAN.

20.1 Semua undang-undang dan peraturan-peraturan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA ini hanya boleh dipinda setelah dibincang dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi sahaja.

Disediakan oleh,

*Majlis Paralimpik Malaysia,
Kuala Lumpur
Dikemaskini : 30 Nov. 2008*

PARALIMPIAD MALAYSIA

PERATURAN AM:
(GARIS PANDUAN PENGANJURAN)

PERATURAN AM : (GARIS PANDUAN PENGANJURAN) SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA

1. NAMA

- 1.1 Kejohanan ini dinamakan sukan '**PARALIMPIAD MALAYSIA KE-___, (NEGERI)_____ (Tahun)___.**

2. TARIKH PENGELOLAAN KEJOHANAN

- 2.1 SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA KE- ___ akan diadakan pada _____ sehingga _____.
- 2.2 Semua jadual pertandingan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

3. PENGELOLAAN

3.1 Kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA ini dikelola oleh Kerajaan Negeri (Tuan Rumah) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM).

3.2 Bagi maksud pengelolaan :

3.2.1 Menteri Belia dan Sukan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tertinggi yang bertanggungjawab untuk mengendalikan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA dengan sempurna,

3.2.2 Sebuah Jawatankuasa Pengelola ditubuhkan untuk merancang dan mengelola semua program serta aktiviti-aktiviti kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA di negeri yang terpilih. Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tertinggi

3.2.3 Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang mempunyai tugas-tugas khas masing-masing, adalah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengelola.

4. JENIS SUKAN

Jawatankuasa Pengelola perlu menawarkan sukan-sukan mengikut kategori kecacatan yang telah ditetapkan seperti berikut didalam menganjurkan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA :

- 4.1 Olahraga
- 4.2 Renang
- 4.3 Badminton

- 4.4 Boccia
- 4.5 Ping Pong
- 4.6 Lawan Pedang
- 4.7 Menembak
- 4.8 Tenis Kerusi Roda
- 4.9 Powerlifting
- 4.10 Boling Padang
- 4.11 Judo
- 4.12 Tenpin Bowling
- 4.13 Lumba Basikal
- 4.14 Perahu Layar
- 4.15 Goalball
- 4.16 Bola Tampar Duduk
- 4.17 Bola Keranjang Kerusi Roda
- 4.18 Bolasepak
 - a. 7 a side (Cerebral Palsy –CP)
 - b. 5 a side (Cacat Penglihatan)
- 4.19 Equestrian
- 4.20 Memanah
- 4.21 Tarian Kerusi Roda
- 4.22 Rugby Berkerusi Roda
- 4.23 Golf
- 4.24 Catur
- 4.25 Karom

5. KATEGORI KECACATAN

- 5.1 OKU Anggota (Wheelchair Bound, Amputees & Les Autres)
- 5.2 OKU Penglihatan (Visually Impaired)
- 5.3 Spastik (Cerebral Palsied)
- 5.4 OKU Akal (Intellectually Disabled)
- 5.5 OKU Pendengaran (Deaf)
- 5.6 Kerdil (Little People)

6. PENYERTAAN

- 6.1 Hanya **Warganegara Malaysia** sahaja yang layak menyertai kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA **kecuali** dipersetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi.
- 6.2 Kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA adalah terbuka kepada pasukan negeri dan kontinjen jemputan dari luar negara dengan persetujuan daripada Jawatankuasa Tertinggi.
- 6.3 Tiap-tiap jenis sukan atau disiplin yang ditetapkan hanya dipertandingkan apabila disertai oleh sekurang-kurangnya 4 kontinjen-kontingen negeri.
- 6.4 Semua atlet kebangsaan atau negeri yang pernah mewakili negara di pertandingan antarabangsa, dibenarkan mengambil bahagian di dalam kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

- 6.5 Borang-Borang Penyertaan Akhir yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh negeri atau kontingen kepada pihak pengelola **6 bulan sebelum kejohanan bermula**.
- 6.6 Jawatankuasa Pengelola perlu memaklumkan kepada semua kontinjen negeri jumlah bilangan pasukan, jenis sukan dan disiplin yang dipertandingkan secara terperinci setelah menyemak senarai pendaftaran selewat-lewatnya dalam tempoh **3 bulan sebelum kejohanan bermula**.

7. BILANGAN PEGAWAI/ATLET

- 7.1 Bilangan pegawai dan atlet yang mewakili negeri haruslah mengikut nisbah 3:1 (Atlet : Pegawai) kecuali bagi Sukan Boccia (Cerebral Palsied) dan OKU Penglihatan (Kategori B1) dibenarkan mengikut nisbah 1:1 (Atlet : Pegawai).

8. PENDAFTARAN

- 8.1 Setiap kontinjen negeri perlu mendaftarkan nama-nama pegawai dan peserta masing-masing kepada Jawatankuasa Pengelola melalui Jabatan Belia & Sukan Negeri masing-masing.
- 8.2 Setiap atlet dan pegawai yang didaftarkan untuk menyertai kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA hendaklah dikenakan bayaran **RM 100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)** seorang dan pembayaran ini hendaklah dibuat bersama-sama semasa penghantaran Borang Penyertaan Akhir.

9. PEMERIKSAAN KESIHATAN DAN KAWALAN DOPING

- 9.1 Semua atlet yang akan mengambil bahagian dikehendaki menjalani ujian perubatan dan hendaklah mengemukakan Sijil atau Surat pengesahan pemeriksaan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pendaftaran kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA. Pemeriksaan kesihatan hendaklah dibuat di tempat masing-masing sebelum pertandingan.
- 9.2 Ujian kawalan doping akan dijalankan ke atas atlet yang mengambil bahagian.
- 9.3 Jika seseorang **peserta** itu mewakili pasukan atau mengambil bahagian dalam acara individu dan didapati **positif ujian**

doping, pasukan atau **penyertaan** individu tersebut akan **terbatal**. Sekiranya pasukan atau individu yang dibatalkan turut memenangi pingat, kemenangan pingat tersebut juga turut terbatal dan **pingat-pingat yang dimenangi akan ditarik balik**. Pingat-pingat dan rekod/keputusan hendaklah dianugerahkan kepada peserta-peserta terbaik berikutnya.

10. KLASIFIKASI

- 10.1 Jawatankuasa Pengelola perlu menyediakan tempat dan peralatan yang sesuai untuk menjalankan klasifikasi bagi atlet sebelum kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA bermula.

11. FORMAT PERTANDINGAN

- 11.1 Jawatankuasa Pengelola dan Badan Sukan yang bertanggungjawab hendaklah menetapkan format pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.
- 11.2 Semua jenis sukan atau acara perlu dikelolakan selaras dengan Peraturan Badan Kawalan Sukan Antarabangsa yang berkenaan.
- 11.3 Semua pertandingan bagi setiap jenis sukan hendaklah selesai dipertandingkan mengikut tempoh kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA seperti yang ditetapkan/dipersetujui oleh pihak Jawatankuasa Pengelola.
- 11.4 Penetapan bilangan kumpulan bagi setiap jenis sukan hendaklah dibuat mengikut amalan Persatuan Sukan Kebangsaan atau Persekutuan Sukan Antarabangsa masing-masing.
- 11.5 Bagaimanapun format pertandingan masih boleh diubahsuai untuk setiap jenis sukan berdasarkan kepada keadaan-keadaan tertentu dan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tertinggi .
- 11.6 Sistem Tolak Satu (Minus One System) hendaklah digunapakai dalam semua acara yang dipertandingkan di kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA. Misalnya, pengiraan didalam Sistem Tolak Satu (Minus One System) adalah seperti berikut :
 - i) Sekiranya terdapat 3 orang peserta sahaja di dalam acara tersebut, penganugerahan pingat hendaklah diberikan kepada ketiga-tiga atlet berkenaan tetapi bagi pengiraan

kedudukan pingat hanya 2 pemenang pingat sahaja diambil kira iaitu bagi pemenang pingat emas dan pingat perak .

- ii) Sekiranya terdapat 2 orang peserta sahaja di dalam acara tersebut, penganugerahan pingat hendaklah diberikan kepada kedua-dua atlet berkenaan tetapi bagi pengiraan kedudukan pingat hanya 1 pemenang atau pingat sahaja perlu diambil kira iaitu pemenang pingat emas.
- iii) Sekiranya terdapat 1 orang peserta sahaja yang bertanding di dalam acara tersebut, penganugerahan pingat akan diberikan kepada atlet berkenaan tetapi bagi pengiraan kedudukan pingat akan dibuat sekiranya atlet tersebut berjaya memecahkan rekod kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA bagi acara yang disertai.

12. PENANGGUHAN

- 12.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang ditetapkan atau dijadualkan sama sekali tidak boleh ditangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 12.2 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah jadual sesuatu pertandingan.
- 12.3 Mana-mana pertandingan yang ditangguhkan menurut **Para 12.2** di atas, maka, Jawatankuasa Teknikal bagi sukan berkenaan hendaklah menetapkan semula jadual pertandingan yang ditangguhkan itu.

13 KEMUDAHAN

- 13.1 Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab untuk menyediakan semua kemudahan yang berkaitan dengan pelaksanaan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA seperti penginapan, makan minum, peralatan pertandingan, peralatan latihan dan pengangkutan.
- 13.2 Pakaian seragam dan peralatan peserta seperti jersey, kasut, reket, basikal dan sebagainya adalah menjadi tanggungjawab kontinjen negeri.
- 13.3 Jawatankuasa Pengelola hendaklah mengemukakan senarai-senarai kemudahan, tempat-tempat latihan, pertandingan dan senarai peralatan-peralatan sukan yang digunakan untuk tujuan latihan (sebelum kejohanan bermula) dan pertandingan kepada Jawatankuasa Teknikal untuk mendapatkan pengesahan.

14 PENGINAPAN

- 14.1 Jawatankuasa Pengelola hendaklah memastikan penginapan adalah mesra OKU yang disediakan semasa kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

15 PENGANGKUTAN

Jawatankuasa Pengelola mestilah menyediakan kemudahan kenderaan secukupnya untuk tujuan pengangkutan disepanjang kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA berlangsung. Kenderaan yang digunakan untuk para atlet dan pegawai semasa SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA juga mestilah sesuai dan mencukupi untuk golongan berkerusi roda. Kenderaan untuk atlet atau pegawai yang berkerusi roda juga mestilah mempunyai kemudahan ramp.

16 INDEMNITI

- 16.1 Jawatankuasa Tertinggi, Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil dan pegawai-pegawai yang dilantik tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti serta kemalangan yang mungkin berlaku kepada mana- mana peserta dan pegawai atau orang lain semasa kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA ini berlangsung termasuk ketika dalam perjalanan dari rumah ke tempat kejohanan dan sebaliknya.

17 INSURAN

- 17.1 Jawatankuasa Pengelola hendaklah menginsuranskan semua individu yang terlibat didalam penganjuran kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

18 TECHNICAL DELEGATE DAN PENGURUS PERTANDINGAN

- 18.1 Persatuan Sukan Kebangsaan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan hendaklah melantik secara rasmi seorang Pengurus Pertandingan daripada Persatuan Sukan Negeri untuk mengendalikan pertandingan yang berkenaan. Pengurus Pertandingan adalah bertanggungjawab untuk menentukan segala persiapan teknikal dan pertandingan disediakan dan dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan

yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing dengan kerjasama Jawatankuasa Pengelola.

18.2 Jawatankuasa Pengelola bersama Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) perlu melantik *Technical Delegate*, Ketua Pegawai Klasifikasi, Pegawai-pegawai Teknikal dan Pegawai-pegawai Klasifikasi yang bertauliah setelah berunding dengan setiap Persatuan Sukan Kebangsaan berkenaan. Tanggungjawab *Technical Delegate* adalah seperti berikut :

- I. Mencadangkan kepada Jawatankuasa Pengelola senarai pegawai-pegawai teknikal dan pengadil / hakim bertauliah yang bertugas sepanjang kejohanan berlangsung.
- II. Membuat lawatan dan mengesahkan tempat-tempat pertandingan yang sesuai digunakan untuk Pertandingan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.
- III. Menyemak dan mengesahkan jadual-jadual pertandingan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal setelah berbincang dengan Persatuan Sukan Kebangsaan masing-masing.
- IV. Menentukan semua pertandingan dijalankan mengikut peraturan / jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

18.3 *Technical Delegate* hendaklah mengemukakan laporan masing-masing kepada Jawatankuasa Pengelola melalui Jawatankuasa Teknikal dalam masa 1 bulan selepas kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA berakhir.

19 PANEL JURI RAYUAN / TATATERTIB

19.1 Jawatankuasa Pengelola perlu melantik Panel Juri Rayuan / Tatatertib yang terdiri daripada :

Pengerusi - Pengerusi Jawatankuasa Pengelola

Ahli-ahli -
i) Pengerusi Jawatankuasa Teknikal
ii) Pengerusi Jawatankuasa Klasifikasi
iii) *Technical Delegate* sukan berkaitan
iv) Setiausaha Jawatankuasa Pengelola
v) Seorang wakil dari persatuan sukan berkenaan.

19.2 Panel Juri Rayuan / Tatatertib seharusnya membuat keputusan berkenaan dengan semua hal berhubung dengan rayuan-rayuan

yang dibuat oleh mana-mana orang yang terlibat dalam kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA dan juga mengendalikan kes-kes disiplin semasa kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA.

19.3 Segala keputusan Panel Juri Rayuan / Tatatertib adalah **muktamad**.

19.4 Panel Juri Rayuan / Tatatertib berhak untuk memanggil atau mengarahkan mana-mana individu supaya memberi apa-apa maklumat dan mengemukakan apa-apa laporan dan dokumen dalam pengetahuannya atau dalam miliknya sebagaimana yang difikirkan perlu.

19.5 Sekiranya mana-mana orang yang:-

- a. tidak mematuhi arahan Panel Juri Rayuan / Tatatertib dan/atau ;
- b. mengemukakan apa-apa maklumat atau laporan yang diketahui palsu dan/atau ;
- c. melakukan apa-apa kesalahan dibawah Peraturan ini yang tiada sebarang penalti diperuntukkan

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh digantung daripada mengambil bahagian dalam kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA dengan serta-merta yang difikirkan perlu.

20 RAYUAN ATAU BANTAHAN

20.1 Sebarang rayuan atau bantahan mengenai sesuatu perkara boleh dibuat oleh Ketua Kontinjen atau Pengurus Pasukan secara **notis bertulis** kepada Panel Juri Rayuan / Tatatertib dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat sesuatu pertandingan dengan disertakan wang tunai sebanyak **RM 200.00**.

20.2 Panel Juri Rayuan / Tatatertib harus mengadakan satu siasatan yang difikirkan perlu sebelum membuat satu keputusan yang muktamad berhubungan dengan hal-hal dibawah Perkara 19 supaya mana-mana orang mempunyai hak untuk didengar sebelum keputusan dibuat

20.3 Sekiranya rayuan atau bantahan itu munasabah dan diterima oleh Panel Juri Rayuan / Tatatertib, maka wang tersebut akan dikembalikan dan satu keputusan akan dibuat berhubung

dengan rayuan atau bantahan itu.

- 20.4 Sekiranya rayuan atau bantahan itu **tidak** munasabah dan **tidak** diterima oleh Panel Juri Rayuan / Tatatertib, maka wang tersebut akan diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola.

21 HADIAH-HADIAH

- 21.1 Hadiah-hadiah untuk kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 21.2 Pingat-pingat emas, perak dan gangsa akan dianugerahkan kepada pemenang-pemenang pertama, kedua dan ketiga serta tertakluk kepada Sistem Tolak Satu (Minus One System).

22 LIABILITI KEWANGAN & PENYATA AKAUN

- 22.1 Liabiliti Kewangan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA perlu ditanggung oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 22.2 Penvata Akaun hendaklah disiapkan dan diaudit tidak lewat daripada **6 bulan** selepas tarikh penutupan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA untuk diperiksa dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tertinggi.

23 KOS PENGANGKUTAN

- 23.1 Setiap Kontinjen Negeri yang terlibat di dalam kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA adalah bertanggungjawab menanggung semua kos pengangkutan pegawai dan atlet masing-masing dari negeri asal ke tempat kejohanan dan sebaliknya.

24 PERKARA AM

- 24.1 Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa untuk membuat sesuatu keputusan berhubung dengan perkara-perkara yang tidak tercatat didalam Garis Panduan ini.
- 24.2 Segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Tertinggi atau Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.

- 24.3 Sebarang keputusan yang dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan bagi setiap jenis sukan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah asalkan ia tidak bercanggah dengan Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan Penganjuran kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA serta keputusan Jawatankuasa Tertinggi.
- 24.4 Wang Penyertaan tidak dikembalikan sekiranya pasukan dan/atau atlet yang telah didaftarkan terlebih dahulu menarik diri dari mengambil bahagian.
- 24.5 Jawatankuasa Pengelola juga mempunyai kuasa mutlak memeriksa kelayakan atlet yang didaftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat atlet yang tidak layak menyertai sukan ini, seperti yang tercatat di dalam Garis Panduan ini dan Peraturan Pertandingan, tindakan berikut perlu diambilkira:
- a. Dibatalkan daripada penyertaan sukan tersebut sekiranya:
 - i) atlet berkenaan mengambil bahagian didalam acara berpasukan, pasukan tersebut hendaklah dibatalkan daripada penyertaanya dan sekiranya, pasukan tersebut turut memenangi apa-apa pingat kemenangan, pingat tersebut juga akan ditarik balik, atau,
 - ii) Jika peserta itu mengambil bahagian di dalam acara individu, penyertaan beliau dalam acara berkenaan hendaklah dibatalkan dan sekiranya, peserta itu turut dianugerahkan apa-apa pingat kemenangan, pingat tersebut akan ditarik balik.
- 24.6 Atlet-atlet yang ingin mewakili negeri lain, hendaklah dikenakan syarat bermastautin sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebelum layak mewakili negeri berkenaan. Atlet-atlet yang ingin mewakili negeri lain disebabkan perpindahan ibubapa, perpindahan tempat kerja atas arahan majikan ataupun mendapat tawaran kerja (perlu mengemukakan dokumen sokongan) dikenakan syarat bermastautin sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum layak mewakili negeri berkenaan. Taraf bermastautin adalah berdasarkan kepada perwakilan atlet-atlet menyertai pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan, Persatuan Sukan Negeri dan Jabatan Pendidikan Khas.
- 24.7 Sekiranya ada mana-mana negeri yang ingin menggunakan khidmat atlet dari negeri lain, Pengarah Jabatan Belia & Sukan negeri tersebut perlu memohon pelepasan khidmat atlet tersebut daripada Pengarah Jabatan Belia & Sukan negeri asal

atlet yang terbabit untuk mendapat kelulusan.

- 24.8 Syarat-syarat, undang-undang dan peraturan yang lain berhubung dengan kelayakan peserta tidak terpakai dalam konteks ini.
- 24.9 Semua garis panduan kejohanan SUKAN PARALIMPIAD MALAYSIA ini hanya boleh dipinda setelah dibincang dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi sahaja

Disediakan oleh,

*Majlis Paralimpik Malaysia,
Kuala Lumpur
Dikemaskini : 30 Nov. 2008*